

Henti serbuan berus cat bulu babi

NINA FARZUIN MD SHAROM

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengarahkan bahagian penguatkuasaannya untuk menghentikan serbuan ke atas premis yang menjual berus cat diperbuat daripada bulu babi berkuat kuasa semalam.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, isu berus bulu binatang tidak seharusnya digunakan sesetengah pihak untuk memecah-belahkan rakyat Malaysia yang memiliki pelbagai bangsa dan agama.

“Jangan jadikan isu ini polemik untuk pecah belahkan sesama kita... kita (hidup) dalam negara yang berbilang kaum dan agama. Ini bukan isu politik dan kita perlu berhenti memburukkan perkara ini,” katanya pada sidang media, semalam.

Selasa lalu, KPDNKK mengempur 157 premis di seluruh negara menerusi Operasi Berus untuk mengesan penjualan berus cat bulu babi dan menyita 2,003 berus

INFO

- Berus cat bulu babi
- Kementerian beri tempoh sebulan

cat diperbuat daripada bulu babi bernilai RM10,988.94.

Serbuan dilakukan susulan penemuan Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (IPPH-UPM) yang mengesahkan sampel berus cat yang diuji diperbuat daripada bulu babi.

Menurutnya, semua pembekal dan peniaga perlulah lebih bertanggungjawab dengan mematuhi undang-undang Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang Diperbuat Daripada Mana-mana Bahagian Babi atau Anjing 2013) dengan meletakkan label pada setiap produk yang dijual.

“Peniaga juga sepatutnya mempunyai etika dan kesedaran untuk memaklumkan kepada pembeli mengenai produk mereka supaya pengguna juga boleh buat pilihan. Jika masih ada akur dan tidak letakkan



Foto: BERNAMA

Hamzah (tiga, kanan) bercakap pada sidang media, semalam.

label, kita akan ambil tindakan.

Beliau berkata, kementerian memberi tempoh sebulan bermula semalam kepada peniaga untuk melabel produk bulu binatang yang dijual kepada orang ramai.

Hamzah berkata, ia bagi mengelak kekeliruan kepada pembeli terutama beragama Islam berhubung

produk yang menggunakan bulu binatang seperti babi dan anjing.

“Kita minta kalau boleh peniaga ambil kertas A4 misalnya dan tulis di situ ‘Barang-barang ini dibuat daripada bulu binatang,’” katanya.

Beliau menegaskan peniaga produk bulu binatang sepatutnya lebih beretika dan bertanggungjawab

dalam memaklumkan pembeli tentang kewujudan bahan seperti bulu babi atau anjing.

“Kedua-dua pihak harus faham dan bertanggungjawab untuk memaklumkan antara satu sama lain... kita mesti bekerjasama ke arah kehidupan dalam masyarakat berharmonis,” katanya.